



# مَنْبِرُ حَبِيبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

SEMINAR HABIBI RASULULLAH S.A.W.

SEMPENA  
SAMBUTAN MAULIDURRASUL S.A.W. 1426H  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

ANJURAN:  
TAKMIR MASJID UNIVERSITI  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PADA:  
HARI RABU  
19 RABIULAWAL 1426H / 27 APRIL 2005M

KERTAS KERJA UCAPTAMA:  
"GLOBALISASI MELAWAN SUNNAH  
RASULULLAH SAW"  
OLEH  
DR HJ SERBINI BIN HAJI MATAHIR

# **GLOBALISASI MELAWAN SUNNAH**

## **RASUL ALLAH (S.A.W)**

Oleh :

DR. HJ. SERBINI BIN HJ.MATAHIR / MD. TAHIR  
PENSYARAH KANAN  
DEKAN INSTITUT PENGAJIAN ISLAM  
SULTAN HAJI OMAR ALI SAIFUDDIEN  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan rahmat dan izinNya juga berupaya saya menyiapkan sebuah kertas kerja bertajuk "GLOBALISASI MELAWAN SUNNAH RASUL ALLAH (S.A.W)". Tajuk ini sengaja dipilih bagi menyedarkan umat Islam agar tidak tenggelam punca akibat kelajuan peredaran masa yang kini bergelar era globalisasi atau dimengertikan juga sebagai dunia tanpa sempadan.

Dalam kesempatan ini suka saya menyampaikan rasa terima kasih kepada pihak pengajur yang memberikan kepercayaan yang jitu bagi menyampaikan ucaptama di dalam Seminar Habibi Rasulullah, sempena Sambutan Maulidur Rasul (s.a.w) 1426 Hijriah, Universiti Brunei Darussalam. Untuk makluman awal, apa jua yang dibentangkan dalam kertas kerja ini adalah merupakan fikrah daripada saya sendiri yang saya fikirkan bersesuaian untuk disampaikan, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Segala usaha yang dilakukan ini adalah semata-mata rasa tanggungjawab di dalam memartabatkan ajaran-ajaran Islam yang semakin pudar di kalangan umat Islam ditelan oleh gelombang globalisasi. Dengan rasa rendah diri, kita penuh berkeyakinan dan sedar bahawa semua ajaran yang bersumberkan kitab suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w) adalah syumul serta sesuai diimplementasikan di dalam semua zaman.

## PENDAHULUAN

Umat Islam beruntung kerana pada setiap tahun dan berganti tahun tidak putus-putus diberi ruang dan peluang untuk menambahkan keimanan kepada Allah (s.w.t), memperbanyakkan pahala untuk hidup di hari muka. Perintah ini datangnya daripada Allah jua agar umat Islam bersatu, tabah dan iman tidak berubah. Dalam hal ini ditambah lagi dengan Sambutan Israk Mikraj, Maulidur Rasul, Nuzul al-Quran, Awal Tahun Hijrah dan sebagainya. Semua ini bertujuan menyedarkan umat Islam agar kembali kepada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Namun demikian umat Islam sentiasa di dalam kealpaan mungkin disebabkan hambatan globalisasi yang menjauhkan umat Islam dari ajaran Islam yang mereka anggap sebagai penghalang mencapai kemajuan.

Oleh itu kertas kerja ini akan menyentuh serba sedikit keunggulan Sunnah Rasulullah (s.a.w) yang tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas serta tidak tewas dek globalisasi. Pendedahan ini diharapkan dapat menginsafkan para cendekiawan Islam di mana jua berada khususnya di Negara Brunei Darussalam dan tepatnya di Universiti Brunei Darussalam.

Di dalam sepotong hadith Rasulullah (s.a.w) yang diriwayatkan oleh Sayyidina Umar bin al-Khattab (r.a) berbunyi :

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :  
بَيْنَا تَحْنُ جُلُونْ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ، شَدِيدٌ بِيَاضِ  
الثِّيَابِ، شَدِيدٌ سَوَادِ الشِّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أثْرُ السَّقَرِ، وَلَا يَعْرَفُهُ مَنْ أَحَدٌ. فَجَلَسَ إِلَيْهِ  
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَدَرَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتِهِ وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى فَخَذَيْهِ، وَقَالَ : يَا  
مُحَمَّدُ، أَخْيَرُنِي عَنِ الْإِسْلَامِ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : {الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَتَقْيِيمُ الصَّلَاةِ، وَتُؤْتِي الزَّكَةِ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحْجُجُ  
البَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَيْلًا}. قَالَ : صَدِيقٌ. فَعَجَبَنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصْدِيقُهُ.  
قَالَ أَخْيَرُنِي الْإِيمَانُ؟ قَالَ : {أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكِتَابِهِ، وَرَسُولِهِ، وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ، وَبِالْقَدَرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ}.

قالَ أخْبَرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ ؟ قَالَ : {أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كَفَرَكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكَ} .

قالَ : أخْبَرْنِي عَنِ السَّاعَةِ ؟ قَالَ : {مَا الْمَسْؤُلُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ} .  
قالَ أخْبَرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا ؟ قَالَ : {أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةَ رَبَّهَا - وَفِي رِوَايَةٍ - أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةَ رَبَّهَا - وَأَنْ تَرَى الْحُفَّةَ الْعُرَاتَ الْعَالَةَ رَعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُيُّنَانِ .  
قَالَ : فَمَنْذَنِي . فَلَبِثْنَا مِلِيًّا . قَالَ يَا عُمَرَ : {أَتَنْزُرُونَ مَنَ السَّائِلِ} ؟ فَلَنَّا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ . قَالَ : {هَذَا حِبْرِيلُ أَنَّا كُمْ يُعْلَمُكُمْ أَمْرُ دِينِكُمْ} .

Kira-kira bermaksud :

Diriwayatkan daripada Sayyidina Umar bin al-Khattab (r.a.): Sedang kami duduk di sisi Nabi (s.a.w.), muncul secara tiba-tiba seorang jejaka berbaju sangat putih, berambut sangat hitam, tiada tanda dia seorang musafir dan kami tidak mengetahuinya. Maka orang itu duduk berhadapan Nabi (s.a.w.) sambil meletakkan kedua tapak tangannya di atas pahanya, seraya berkata, "Wahai Muhammad, beritahu kepada saya tentang Ugama Islam." Rasul Allah (s.a.w.) menjawab, "Ugama Islam itu hendaklah mengucap dua Kalimah Syahadah, mendirikan sembahyang, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan Haji di Baitullah bagi yang mampu." Dia berkata, "Betul (benar)." Sayyidina Umar dan para sahabat yang lain hairan kerana orang itu yang bertanya dan dia juga yang membenarkan. Jejaka itu bertanya lagi, "Nyatakan kepada saya tentang Iman." Rasul Allah (s.a.w.) menjawab, "Hendaklah beriman kepada Allah, MalaikatNya, Kitab-KitabNya, Rasul-RasulNya, Hari Akhirat dan Qada Qadar." Dia bertanya lagi tentang Ihsan. Rasul Allah menjawab, "Kita menghambakan diri kepada Allah seolah-olah kita melihat Allah. Jika kita tidak melihat Allah yakinlah Allah tetap (pasti) melihat kita."

Jejaka tersebut bertanya lagi, "Beritahu kepadaku tentang hari Kiamat." Rasul Allah (s.a.w.) menjawab, "Siapa yang menentukannya sedangkan yang bertanya lebih mengetahuinya." Dia bertanya tentang tanda-tanda hari kiamat itu. Rasul Allah (s.a.w.) menjawab, "Amah akan melahirkan tuannya. Kita akan melihat

orang berkaki ayam, tidak berbaju kerana miskin memelihara kambing berkemampuan membina bangunan besar-besar.” Jejaka itu pun berlalu. Kami pun terpinga-pinga, maka Rasul Allah (s.a.w.) bertanya, “Wahai Umar, tahukah kamu siapa yang bertanya?” Kami menjawab, “Allah dan Rasul-Nya sahaja yang tahu.” Rasul Allah (s.a.w.) bersabda, “Dia ialah Jibril yang datang mengajar kamu tentang agama kamu.”

Di dalam hadith tersebut membuktikan bahawa agama Islam itu datangnya daripada Allah (s.w.t), bukannya ciptaan siapa-siapa, bukannya ciptaan manusia, bukannya ciptaan Malaikat Jibril atau mana-mana malaikat, adapun Malaikat Jibril hanya menyampai wahyu, begitupun demikian agama Islam itu bukannya ciptaan Nabi Muhammad (s.a.w). Kita wajib ingat firman Allah (s.w.t) :

”إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ“

Kira-kira maksudnya :

“Sesungguhnya agama yang direndai Allah hanyalah agama Islam”.

Di dalam hubungan ini, sesiapa juar yang menyangut agama lain selain agama Islam pasti ditolak dan tidak diterima oleh Allah (s.w.t). Dengan demikian, orang itu tergolong orang yang rugi di akhirat, sebagaimana Firman Allah di dalam ayat yang lain:

”وَمَنْ يَتَّخِذُ عِنْدَ اللَّهِ إِلَّا إِسْلَامًا فَلَنْ يَقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ“

Yang kira-kira bermaksud :

“Dan barangsiapa memeluk agama selain agama Islam maka tidak diterima sama sekali amalan agamanya dan dia di akhirat adalah orang yang rugi”.

Bagi kita umat Islam telah ternyata benar bahawa Malaikat Jibril (a.s.) sendiri mengajar Nabi kita Muhammad (s.a.w) tentang agama Islam. Maka tidak wajar bagi umat Islam mengingkari apa juar yang disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya yang wajib diimani. Di antara yang dipaparkan di dalam hadith riwayat Sayyidina Umar bin al-Khattab (r.a) tersebut ialah berhubungkait dengan sendi agama Islam iaitu :-

1) Setiap orang Islam hendaklah mengucap dua kalimah syahadah. Ini adalah satu tuntutan ke atas setiap individu muslim supaya sentiasa mengingat Allah dan RasulNya agar di mana jua kita berada dengan penuh keimanan Allah itu bersama kita. Dalam era globalisasi ini telah ramai dinampakkan oleh Allah (s.w.t) umat Islam lupa Allah dan RasulNya. Sebagai bukti, apabila memohon pertolongan bukannya kepada Allah. Ini berlawanan dengan firman Allah dalam surah al-Fatihah :

"إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينَ"

Yang kira-kira maksudnya :

"Kepada Engkaulah ya Allah kami menghambakan diri dan kepada Engkaulah ya Allah kami memohon pertolongan."

2) Menunaikan Sembahyang : Bagi mengeratkan lagi hubungan hamba dengan Allah serta membuktikan keimanan tentang dua kalimah syahadat di perkara satu (1) di atas, umat Islam diwajibkan menunaikan sembahyang fardu lima (5) waktu sehari semalam iaitu sembahyang Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak. Dalam hal ini telah kedapatan tanggapan sesetengah umat Islam di dalam mengejar kemajuan di era globalisasi ini gali atau tidak mahu lagi menyebut malah tidak mahu membubuh di dalam apa-apa program tentang ruang masa untuk menunaikan solat (sembahyang). Ini sudah cukup untuk dijadikan bukti bahawa globalisasi berjaya mempengaruhi seseorang Islam berat hati nuraninya menyatakan sembahyang itu menjadi utama di dalam apa jua program kehidupan. Tanpa disedari dengan pendirian dan sikap sedemikian sudah menjadikan solat (sembahyang) itu hanya sekadar budaya sahaja, malah tidak segan-segan menyatakan hanya "diambil take note" manakala bowling terpapar dalam agenda. Dengan demikian ternyata benar globalisasi melunturkan pegangan umat Islam terhadap asas ugama yang dianutinya. Benarlah Rasulullah (s.a.w) bersabda :

"يَدْرُسُ الْاسْلَامُ كَمَا يَدْرُسُ وَشْنُ التَّوْبَ حَتَّىٰ لَا يُذْرِئَ مَا صَيَّامٌ، وَلَا صَلَاةً، وَلَا سُكُونًا وَلَا صَدَقَةً ! وَيُسْرِئِي عَلَىٰ كِتَابِ اللَّهِ فِي لَيْلَةٍ، فَلَا يَبْقَى فِي الْأَرْضِ مِنْهُ

"..... آیَةٌ .....

Yang kira-kira bermaksud :

"Islam akan terhapus sebagaimana terhapusnya kotoran di baju sehingga tidak diketahui apa itu puasa, dan apa itu solat (sembahyang) dan apa itu menunaikan haji dan apa itu sedekah! dan akan diangkat kitab Allah dalam satu malam sehingga tidak kekal di bumi walaupun satu ayat ....."

- 3) Menunaikan Zakat : Di dalam hubungan ini sudah ramai umat Islam melupai peranan zakat di dalam memantapkan ekonomi umat Islam. Usah jauh, di negara kita sendiri Negara Brunei Darussalam jarang kenampakan usaha-usaha yang berwajib memainkan peranan di dalam membela nasib rakyat yang miskin, jauh sekali memajukan negara dengan membangunkan gedung-gedung perniagaan untuk orang miskin bermiaga dan di dalam masa yang sama mengembangkan harta zakat. Tidak ketinggalan juga menampakkan kepada orang-orang kaya di Brunei untuk menarik perhatian mereka mengeluarkan zakat kerana telah terbukti zakat yang mereka keluarkan mendatangkan manfaat daripada ianya dibekukan.
- 4) Menunaikan Puasa di bulan Ramadan : Perintah berpuasa ini bertujuan bagi merasakan betapa orang miskin yang jarang makan dapat dikongsi bersama kepedihan tersebut dan di dalam masa yang sama mendidik rohani agar bersikap jujur dan amanah kepada diri sendiri dan juga orang lain, pada mana berpuasa ini kita sendiri dan Allah (s.w.t) sahaja yang mengetahuinya. Jika kita jujur dan amanah kita tidak menipu orang. Kedapatan sesetengah orang nampaknya berpuasa akan tetapi pada hakikatnya tidak demikian. Dalam era globalisasi ini amalan di bulan puasa sudah berkurangan di mana ruang masa tersebut sudah diisikan dengan rancangan-rancangan radio dan televisyen terutama di akhir Ramadhan kerana rancangan menjelang hari raya. Maka hikmah Lailatul Qadar di akhir-akhir Ramadhan sudah tidak berharga lagi.
- 5) Menunaikan Fardhu Haji : Suruhan ini terikat dengan syarat bagi orang-orang yang mampu sahaja. Ini bertujuan mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain di kalangan umat Islam seluruh dunia dan di dalam masa yang sama

berkenal-kenalan dan menimba ilmu pengetahuan. Apa yang menyediakan di era globalisasi suasana aman yang dijamin al-Quran berhubung Kota Makkah sudah berkurangan. Ini jelas pernah terjadi kekecohan di Kota Makkah; tidak mustahil di belakang kekecohan ini kuasa besar yang menguasai globalisasi. Sepatutnya negara Islam mesti sedar dan insaf supaya boleh umat Islam bersatu kerana dengan adanya tuntutan menunaikan fardhu Haji ke Makkah umat Islam boleh bersatu, mengapa tidak dilanjutkan kebersatuan di musim haji itu sampai bila-bila dan di mana sahaja umat Islam berada.

Di dalam hadith pertama juga ada menyebut tentang IHSAN yang diajarkan oleh Malaikat Jibril (a.s) kepada Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam). Apa itu IHSAN? Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) menjawab, "Hendaklah engkau menghambakan diri kepada Allah (s.w.t) seolah-olah engkau melihat Allah. Andaikata engkau tidak melihat Allah yakinlah sesungguhnya Allah melihat kamu dan segala perbuatanmu." Sifat Ihsan ini adalah diterima pakai oleh semua umat Islam dan bagi kita yang berwajib adalah memahaminya? Andaikata kita memahami dan menerima pakai pasti tiada akan berlaku rasuah, pecah amanah, khianat, tidak jujur dalam menjalankan tugas dan seumpamanya. Oleh itu apa yang kita harapkan globalisasi melawan Sunnah Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam), sunnah tidak goyah umat Islam tidak parah dan jangan mengejar kemajuan dan pujian ajaran Islam di tendang belakang.

Dalam masa Malaikat Jibril (a.s) mengajar Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) berhubung dengan agama Islam, berkaitan dengan Iman dan juga Ehsan di mana ketiga-tiga dimensi iaitu Islam, Iman dan Ehsan adalah diikat kuat dengan peringatan tentang hari Kiamat di mana Malaikat Jibril (a.s) meminta Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) menuturkan tanda-tanda kiamat tersebut agar umat Islam sentiasa berwaspada. Hingga ke hari ini tanda-tanda kiamat tersebut sudah jelas di mana orang-orang miskin dahulunya di negara kita ini berjalan berkaki ayam sekarang sudah kaya raya mempunyai bangunan-bangunan dan rumah sewa yang banyak. Apatah lagi di negara-negara arab,

mereka yang dahulunya miskin kini millioner. Tidak ketinggalan juga di negara jiran apa yang dinamakan pampasan kepada peneroka.

## PENUTUP

Di dalam mengharungi globalisasi pesanan dan wasiat Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) jangan dilupakan. Di dalam sepotong Hadith Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) ada bersabda :

"ثَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرِينِ مَا إِنْ تَمَسَّكُمْ بِهِمَا لَنْ تَضُلُّوْا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ رَسُولِهِ"

Kira-kira bermaksud:

"Telah Ku tinggalkan kepada kamu (umat Islam) dua perkara di mana jika kamu (umat Islam) berpegang teguh kepada kedua-duanya pasti kamu tidak sesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah (al-Quran al-Karim) dan Sunnah Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam)."

Adapun Sunnah Rasul Allah (Sallallahu Alaihi Wasallam) itu mengandungi semua yang disampaikan oleh Rasulullah menerusi lisan, begitu juga perbuatan Baginda termasuklah sifat-sifat Baginda (Sallallahu Alaihi Wasallam) dan pengakuan Nabi Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam) seperti dalam sebuah kisah beberapa orang sahabat memakan dhab (biawak darat) lalu dikhabarkan kepada Baginda maka Rasul Allah tidak membantahnya menunjukkan dhab boleh dimakan.

Di era globalisasi ini ternyata amalan pokok bagi setiap individu muslim telah longgar untuk ditunaikan iaitu ibadat sembahyang. Ada yang berani mengatakan itu urusan peribadi seseorang dengan Tuhan. Inilah kejayaan globalisasi kerana melimpahruahnya hiburan dengan mudah diperolehi menjadikan individu muslim lupa ingat beringat itu memberi manfaat kepada umat Islam yang beriman dan di dalam masa yang sama menjadi perintah wajib untuk disampaikan sebagaimana firman Allah:

"وَذَكْرُ فِي الذِّكْرِ تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ"

Maksudnya:

“Berilah peringatan, sesungguhnya ingat-beringat itu memberi manfaat kepada orang-orang yang beriman.”

Sehubungan dengan itu Allah (Subhanahu Wata’ala) mengingatkan kepada hambaNya dalam sepotong ayat al-Quran:

”أَفْغِيرُ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يَرْجِعُونَ ”

”يرجعون“

Kira-kira maksudnya:

“Adakah kamu mencari agama selain dari agama yang Allah redha (Islam) sedang penduduk langit dan bumi tunduk menyerah secara sukarela mahupun terpaksa kerana kesemuanya dikembalikan kepada Allah (Subhanahu Wata’ala) juga”.

Ini membuktikan tidak ada Islam HADARI sebagaimana yang diwar-warkan di era globalisasi ini. Dengan demikian ternyata globalisasi melawan Sunnah Rasulullah yang umat Islam perlu resah dan gelisah supaya segera bertindak membetulkan arah agar bala tidak turun melimpah bak TSUNAMI datang memusnah dan akhirnya Nauzubillah! Sekian!

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

والله أعلم بالصواب!